

Tokyo lulus

BH 13 DEC 2002

TOKYO, Khamis - Jepun meluluskan pinjaman mudah bagi Malaysia untuk membiayai beberapa projek pembangunan prasarana, termasuk membekalkan air dari Pahang ke Selangor.

Perkara itu dinyatakan dalam pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengunjungi rakan sejawatnya, Junichiro Koizumi di pejabatnya di sini, petang ini.

Bercakap kepada pemberita Malaysia di bilik penginapannya di Hotel Imperial di sini, Dr Mahathir

berkata pinjaman mudah itu antara lain bagi membiayai projek membekalkan air dari Pahang ke Selangor.

Bagaimanapun, katanya, jumlah pinjaman akan ditentukan kemudian selepas perbincangan lebih lanjut di peringkat pegawai.

"Kita juga berbincang mengenai Dasar Pandang ke Timur dan kita (Malaysia) menyatakan kesediaan untuk meneruskan dasar berkenaan.

"Ini termasuk menyiapkan projek Universiti Teknikal Jepun di

Malaysia yang kini berjalan lancar dan dijangka mula beroperasi tahun depan," katanya sambil menambah pengambilannya terbuka kepada pelajar negara Asia Tenggara dan negara membangun.

Dr Mahathir berkata, dalam pertemuan itu mereka turut membincangkan pelbagai isu antarabangsa, termasuk isu rancangan serangan ke atas Iraq.

Diminta mengulas lebih lanjut mengenai perkara itu, beliau berkata, Jepun hanya meminta pandangan Malaysia berhubung

pinjaman mudah KL

isu berkenaan.

Sementara itu, ketika mengulas pertemuan beliau dengan Maharaja Akihito sebelum itu, Dr Mahathir berkata, antara lain beliau menyampaikan undangan untuk menjemput Maharaja itu melawat Malaysia, mungkin pada 2004.

Terdahulu, menjawab soalan peserta seminar Dasar Pandang ke Timur, mengenai masa depan hubungan perdagangan antara Asean dan China, Dr Mahathir berkata Asia Tenggara lebih gemar mengamalkan pendekatan bekerjasama

dengan China, yang dijangka muncul sebagai kuasa besar ekonomi dan ketenteraan dunia pada masa depan.

Sehubungan itu, beliau berkata, negara Asia Tenggara mengalu-alukan cadangan untuk mewujudkan perjanjian perdagangan bebas dengan China.

"China yang akan menjadi kuasa besar ekonomi dan ketenteraan dunia pada masa depan, pastinya akan menimbulkan rasa 'bimbang' di kalangan negara Asia Tenggara.

"Sehubungan itu, kita

akan mengamalkan pendekatan bekerjasama dan bukan bersaing dengan negara itu.

"Langkah itu pasti menguntungkan kedua-dua pihak. Bayangkan dengan 1.8 bilion penduduk (China - 1.3 bilion dan Asia Tenggara - 500 juta penduduk), akan wujud satu kuasa ekonomi dan pasaran yang besar di rantau ini," katanya.

Ditanya mengenai keputusannya untuk bersara menjelang Oktober tahun depan, Dr Mahathir berkata, semua dasar dan mekanisme yang diperlukan

untuk pertumbuhan ekonomi kini sudah berada pada kedudukan yang betul sebelum persaraannya.

Katanya, beliau juga yakin dengan timbalannya untuk meneruskan kesinambungan pemerintahan Malaysia kerana mereka bekerjasama sejak sekian lama.

Mengenai Wawasan 2020, Dr Mahathir berkata, rancangan itu diperkenalkan supaya Malaysia mempunyai satu matlamat untuk dicapai, iaitu menjadi negara maju menjelang 2020.